

Pembangunan perlu ambisi

Oleh Mior Kamarul Shahid

PERSIDANGAN mengenai Pembangunan Bandar Mapan di Alaf Baru, (Polmet 2000, Kuala Lumpur), satu persidangan mengenai Pembangunan Bandar yang Mapan di Alaf Baru, bermula di Kuala Lumpur, semalam. Dalam persidangan tiga hari itu, 60 pakar antarabangsa berbincang mengenai pelbagai topik mengenai pembangunan bandar.

Jika pada 1960-an atau 1970-an, perbincangan mengenai pembangunan bandar lebih berfokus kepada isu yang membabitkan perancangan untuk membangunkan sebuah kawasan bandar yang megah, bentuk bangunan untuk dijadikan mercu tanda, kawasan perumahan mewah yang mudah mendapat pasaran, merangka sistem jalan raya bagi mengelakkan kesesakan berterusan dan sebagainya, hari ini isu seperti itu kurang diktengahkan. Isu-isu seperti itu diketengahkan tanpa mengambil kira pembangunan mapan. Pembangunan mapan mula popular dalam perbincangan yang membabitkan pembangunan dan alam sekitar di Brazil, 1992.

Pembangunan fizikal yang sedia

wujud di kebanyakan negara per-
elarikan dengan soal yang ada kaitan dengan nilai kehidupan kerana ia memberi makna kepada corak pemikiran dan bentuk manusia masa depan.

Apakah bentuk pembangunan yang secocok dengan arus kemajuan dunia hari ini?

Sudah tentu, jika ia sebuah bandar, walau bagaimana besar sekali pun, ia bukanlah ibarat sebuah penjara. Di bandar seperti ini, penghuninya kian takut untuk keluar rumah apabila bandar mereka bukan lagi tempat selamat. Di New York, umpamanya, walaupun namanya begitu agung, ia menjadi tempat kebencian rakyat Amerika Syarikat sendiri. Ia bukan sahaja lubang pelbagai gejala sosial, tetapi ia tidak menjamin keselamatan.

Apaguna bermegah dengan bandar yang besar dipenuhi dengan hutan batu batanya jika ia menjadi lambang ketakutan manusia. Di London, walau pun menjadi tumpuan ramai pelancong dari seluruh dunia, mereka dapat menyaksikan bagaimana rakyatnya tidak bertegur-sapa walau pun bertemu-muka setiap hari ketika berada dalam kere-

ANALISIS

tapi bawah tanah. Jika bukan kenalan pejabat atau jiran, mereka seolah-olah mencurigai antara satu sama lain. Nilai sebegini mungkin bukan asing di kebanyakan tempat, malah di Kuala Lumpur sekali pun, ciri-ciri sebegini kian jelas.

Corak pembangunan dan sistem pendidikan mungkin boleh dipersalahkan kerana membentuk satu suasana yang mana masyarakat tidak perlu saling tegur-menegur. Sebuah bandar yang melambangkan kemesraan rakyat, perlu dirancangan mulai sekarang.

Setiap pembangunan perlu mengambil kira keperluan masyarakat. Jika pembangunan yang dirancang boleh menjarakkan hubungan sesama masyarakat, ia dianggap tergelincir daripada nilai-nilai yang cuba dipupuk dalam sebuah masyarakat yang sempurna. Nilai mulia yang tidak mengutamakan kepentingan diri, kian menjadi pegangan kebanyakan masyarakat negara di

kira keperluan masyarakat

Asia. Ciri-ciri seperti ini begitu penting di negara yang didiami masyarakat pelbagai kaum. Corak pembangunan yang boleh mencorakkan kehidupan individualisme, tidak lagi mendapat tempat dalam perancangan pembangunan bandar.

Individualisme tidak seharusnya dilihat dari sudut yang sempit berkisar soal "lu dan gua" tetapi merangkumi soal rasa tanggungjawab bagi masyarakat, yakin terhadap hubungan kekeluargaan yang mantap, mengutamakan pendidikan, jimat-cermat, gigih berusaha, kerja berkumpulan untuk negara, satu kontrak sosial antara rakyat dan negara, moral yang tinggi, akhbar yang bebas tetapi bertanggungjawab, kepercayaan terhadap rakyat sebagai pemegang amanah, dan menghormati alam persekitaran. Perkara inilah yang ditekankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan Polmet 2000. Kuala Lumpur, semalam dengan menekankan soal "Nilai-Nilai Asia" sebagai satu sumber kekuatan.

Semua ciri-ciri itu mempunyai kaitan dengan kehidupan dengan masya-

rakat jika dihalusi satu persatu. Pembangunan seperti inilah yang boleh melambangkan satu suasana yang sihat untuk masyarakat.

Bagi rantau ini, perancangan pembangunan bandar perlu datangnya daripada pakar dan sumber-sumber yang ada dan arif mengenai nilai-nilai rantau ini. Nilai seperti ini tidak wujud dalam jiwa perancang Barat yang selamanya dididik supaya mengutamakan diri sendiri. Persekitaran yang mereka cipta hanya mampu menonjolkan kemegahan diri dan mementingkan keuntungan, tetapi kosong di segi pengertian hidup bermasyarakat.

Tentunya, pemupukan nilai-nilai pembangunan yang perlu dilaksanakan memerlukan perancang yang kaya ilmu, mesra alam, kepakaran dan keupayaan untuk mengharap keputusan yang sesuai dengan pembangunan serantau. Isu pembangunan bandar, menjadi kian rumit dengan berkembangnya teknologi komunikasi. Bagi mereka yang mementingkan kemajuan teknologi ini, ia akan menjarakkan corak pemikiran masyarakatnya. Jika dulu ukuran menilai kemajuan dikait-

kan antara golongan miskin dan kaya semata-mata, hari ini pula ia diukur dengan pencapaian seseorang di segi kemajuan komunikasinya. Sekarang pun jurang wujud antara mereka yang celik dan buta komputer. Begitulah kesan kemajuan teknologi komunikasi terhadap masyarakat yang mula mengubah penilaian terhadap seseorang individu. Oleh itu jika setiap perancangan dibuat tanpa mengambil kira penyebaran teknologi terhadap masyarakat, ia akan menjarakkan tahap pemikiran mereka. Pencemaran juga menjadi isu pembangunan bandar. Bagi perancang di Asia, faktor alam sekitar masih menjadi keutamaan dalam setiap perancangan mereka. Malangnya, keadaan ini tidak berlaku bagi perancang Barat. Mereka mahu menunjukkan kemajuan tanpa memikirkan kesan yang akan timbul. Tetapi, apabila berlaku sedikit kecacatan di negara membangun, ia menjadi isu yang berpanjangan.

Nasihat Dr Mahathir, Asia tidak harus bergantung kepada bantuan luar untuk membangun tetapi sebaliknya harus yakin kepada "Nilai-nilai Asia" sebagai satu sumber kekuatan.